

LEMBARAN MAKLUMAT PRODUK

Tarikh: 07 November 2025

Pelanggan yang dihormati,
Lembaran Maklumat Produk (PDS) ini memberikan anda maklumat penting tentang akaun emas anda. Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia membantu, anda juga harus membacanya.

1 APAKAH ITU AKAUN EMAS BANK ISLAM (BIGA-i)

Akaun Emas Bank Islam (BIGA-i) adalah produk emas patuh Syariah yang menawarkan kepada pelanggan peluang untuk terlibat dalam pasaran logam bernilai. Produk ini berpotensi untuk membawa kepada penciptaan kekayaan, pengumpulan kekayaan, dan pemindahan kekayaan dalam kalangan pelanggan. Pulangan emas adalah daripada kenaikan nilai pembelian awal pelanggan dan tertakluk kepada pergerakan pasaran emas semasa. Akaun Emas-i ini TIDAK dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM).

Produk ini menggunakan prinsip Syariah Wakalah. Wakalah merujuk kepada kontrak yang mana satu pihak, sebagai prinsipal (muwakkil), memberi kuasa kepada pihak yang lain bertindak selaku ejen (wakil) kepada dirinya untuk melakukan sesuatu tugasan dalam urusan yang boleh diwakilkan, dengan atau tanpa mengenakan sebarang yuran.

Di bawah produk ini, pelanggan melantik Bank Islam sebagai ejen (wakil);

- Untuk melaksanakan transaksi pembelian dan/atau penjualan emas
- Untuk memudahkan cara penyimpanan emas termasuklah dalam mengenal pasti, mengatur, dan membayar penyedia perkhidmatan peti simpanan keselamatan (pihak ketiga) bagi menyimpan emas Pelanggan.
- Untuk memperuntukkan dan memperuntukkan semula nombor siri jongkong emas fizikal bagi faedah Pelanggan.
- Untuk melantik pihak ketiga bagi melakukan perkhidmatan penghantaran emas dalam memudahkan proses penukaran emas oleh Pelanggan.

2 KETAHUI KEWAJIPAN ANDA

Tanggungjawab anda:

- Anda mesti mempunyai Akaun Semasa, Simpanan atau Pelaburan Transaksi (CASATIA) di Bank Islam. CASATIA tersebut mestilah dikekalkan dan dipautkan kepada BIGA-i bagi memudahkan urusan transaksi dalam BIGA-i.
- Minimum pembelian pertama: RM10 (Individu) dan RM50 (Bukan Individu), atau nilai setara dalam gram berdasarkan Harga Emas semasa yang dikemas kini oleh Bank Islam ketika transaksi dilakukan.
- Minimum pembelian seterusnya: RM10 (untuk Individu dan Bukan Individu), atau nilai setara dalam gram berdasarkan Harga Emas semasa yang dikemas kini oleh Bank Islam.

Anda perlu membayar yuran dan caj berikut:

No	Jenis Yuran dan Caj	Descriptions of Fees and Charges
1	Yuran Penukaran	Ini adalah kos untuk menukarkan emas dalam BIGA-i kepada emas fizikal.
2	Caj Perkhidmatan Kurier Dan Caj Penghantaran Khas	Penghantaran melalui perkhidmatan kurier dan/atau penghantaran khas akan dilaksanakan oleh Pembekal Emas dan tertakluk kepada caj yang dikenakan oleh Pembekal Emas.
3	Yuran Penyimpanan	Pembekal Emas akan mengenakan caj berdasarkan purata baki harian nilai emas, yang akan dicaj secara bulanan dan ditolak daripada akaun pelanggan yang dipautkan dengan BIGA-i.

Nota: Sila rujuk laman web kami di www.bankislam.com untuk maklumat lanjut mengenai yuran dan caj.

3 KETAHUI RISIKO ANDA

- Risiko Pasaran:** Pelbagai faktor akan mempengaruhi nilai emas dalam Akaun Emas, termasuk keadaan pasaran, sentimen dan keyakinan pelabur, kadar keuntungan, kadar pertukaran mata wang, kadar inflasi, perniagaan, ekonomi, politik, kewangan, sosial, alam sekitar, dan kejadian lain di dalam dan di luar negara.
- Risiko Harga:** Harga Akaun Emas bergantung pada pergerakan dalam Pasaran Emas. Nilai rujukan sedemikian tertakluk kepada pergerakan dan perubahan dalam harga tersebut yang seterusnya mungkin mengakibatkan harga, tahap atau nilai bergerak secara negatif terhadap kepentingan anda dan menjejaskan pulangan Akaun Emas.
- Risiko Pulangan/Pelaburan:** Pelanggan terdedah kepada perubahan dalam nilai rujukan tersebut antara masa pelanggan membeli emas dan masa penebusan/penjualan. Prestasi yang lepas bukanlah satu indikasi pulangan masa depan. Pulangan emas adalah daripada peningkatan pembelian awal pelanggan dan tertakluk kepada pergerakan keadaan pasaran emas dunia dan tempatan. Walau bagaimanapun, pulangan adalah tidak dijamin sementara risiko kerugian adalah tinggi dan besar jika dan apabila harga emas menurun.

4 SYARAT UTAMA LAIN

- Sila maklumkan kepada kami sekiranya terdapat sebarang perubahan pada butiran perhubungan anda.
- Anda boleh menukar emas digital kepada emas fizikal dalam denominasi seperti 0.5g, 1g, 5g, 10g, 50g, 100g, 1,000g, 1 dinar (4.25g), dan 5 dinar (21.25g). Penukaran hanya boleh dilakukan di kaunter di cawangan Bank Islam.
- Sekiranya anda memilih untuk menukar emas digital kepada emas fizikal, anda akan menerima emas fizikal tersebut melalui penghantaran kurier daripada Pembekal Emas. Kos penghantaran dan penukaran adalah di bawah tanggungan pelanggan. Kos tersebut ditentukan dan dikenakan oleh Pembekal Emas yang dilantik oleh Bank Islam.
- Tiada baki minimum diperlukan, **namun Bank Islam berhak menutup akaun secara automatik sekiranya baki akaun adalah RM0 selama 3 tahun berturut-turut.**

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai produk kami, anda boleh:



Hubungi kami di
+603-26 900 900



Layari kami di
<https://www.bankislam.com>



E-mel kami melalui
contactcentre@bankislam.com.my

Perakuan Pelanggan

(Perakuan Pelanggan ke atas PDS ini tidak akan menjejaskan haknya untuk mendapatkan ganti rugi jika berlaku pertikaian seterusnya mengenai terma dan syarat produk).

Pastikan anda mengisi sendiri bahagian ini dan mengetahui tujuan anda menurunkan tandatangan.

- ☐ Saya mengakui Bank Islam telah memberikan kepada saya salinan PDS.
- ☐ Saya telah membaca dan memahami maklumat penting yang terkandung dalam PDS ini.

Nama:
Tarikh:

CONFIDENTIAL